



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/1/2017	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	NRE / JABATAN PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan diwujudkan

KUALA LUMPUR - Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan akan diwujudkan tahun ini bagi menyelaraskan tadbir urus hutan di Putrajaya, Labuan dan di ibu negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kementeriannya kini dalam proses mendapatkan kelulusan jemaah menteri sebelum April ini.

Menurutnya, satu jawatankuasa membabitkan pelbagai agensi di bawah kementeriannya telah ditubuhkan bagi membincangkan pelaksanaan tadbir urus jabatan perhutanan itu nanti.

"Sebelum ini, tiada ketua yang menjaga pentadbiran hutan di wilayah berkenaan, oleh itu kita perlu menubuhkan jabatan ini untuk menjaganya.

"Contohnya, isu hutan di Bukit Kiara, tiada pihak berwajib boleh selesaikan isu itu dan semua pihak seolah-olah lepas tangan, menuding jari ke kementerian ini, ke jabatan itu," katanya selepas melancarkan Mobile App Taman Eko Rimba Semenanjung Malaysia dan Titian Silara di Menara Kuala Lumpur. - Bernama



Wan Junaidi (dua, kanan) melancarkan Mobile App Taman Eko Rimba Semenanjung Malaysia dan Titian Silara Taman Eko Rimba sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di Menara KL, semalam. - Bernama